

# LAPORAN TAHUNAN KKSP TAHUN 2015

**KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

**NO 77 LENGKOK CEMPAKA 1**

**PUSAT BANDAR AMANJAYA**

**08000 SUNGAI PETANI**

**KEDAH**

**TEL:04-4413909**

**FAKS:04-4412924**

## **SIDANG REDAKSI**

### **PENGERUSI**

PN NAJMIAH BT HJ ABDULLAH

PENGARAH

### **TIMB. PENGERUSI**

PN NOR ZALINA BINTI MOHD YUSOF

KETUA JAB. PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

### **PENYUNTING**

PN SITI NORZIHA BT JAMALUDIN

PEGAWAI PSIKOLOGI

### **PENYUMBANG**

PEGAWAI-PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN

KETUA PROGRAM

Sekalung penghargaan juga kepada semua warga Kolej Komuniti Sungai Petani yang telah memberikan sokongan dan kerjasama secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan Laporan Tahunan 2015.

### KATA-KATA ALUAN



Assalamualaikum dan salam sejahtera

Sukur kepada Allah S.W.T kerana dengan Izin dan RahmatNya, Laporan Tahunan KKSP 2015 berjaya dihasilkan. Tahniah kepada semua warga KKSP yang telah memberikan sumbangan berbentuk maklumat serta info yang berkaitan.

Pencapaian semua warga KKSP 2015 wajar dizahirkan memandangkan pencapaian pensyarah dan pelajar bukan sekadar diperingkat Kolej malahan diperingkat wilayah mahupun kebangsaan. Justeru, pencapaian tersebut harus dijadikan sumber inspirasi kepada semua warga bagi terus mencapai kegemilangan KKSP pada tahun 2016.

Mendukung misi dan visi jabatan, KKSP tidak ketinggalan dalam mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang tahun 2015. Cabaran dan dugaan yang telah dilalui seharusnya dijadikan pedoman untuk mendepangi tahun 2016 yang lebih mencabar. Walaupun begitu, KKSP sentiasa bersedia dan berupaya untuk mengupayakan sumber yang ada dalam memastikan hasrat dan wawasan tercapai.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada mantan Pengarah Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu Tn Hj Ishak B. Hamid atas kepimpinan beliau yang telah membawa Kolej Komuniti Sungai Petani ke mercu kejayaan. Doa kami semua agar mantan pengarah sentiasa dilindungi dan dirahmati.

Akhir kata, saya berharap agak Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sumber rujukan dan direalisasikan untuk tahun yang akan datang memandangkan pelbagai manfaat akan diperolehi daripadanya.

Pn Najmiah Bt Hj Abdullah  
 Pengarah  
 Kolej Komuniti Sungai Petani  
 Kementerian Pendidikan Tinggi

**PENGENALAN****VISI**

Menjadi peneraju Pendidikan Dan Latihan Teknikal dan Vokasional serta Hub Pembelajaran Sepanjang Hayat Menjelang 2025

**MISI**

Membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan Pembelajaran Sepanjang Hayat



## CARTA ORGANISASI

### PENCAPAIAN 2015 (INOVASI)



Seminar Penyelidikan & Inovasi Kolej Komuniti Wilayah Perak  
12 November 2015  
1 pingat Emas , 1 pingat Perak & Anugerah Khas Juri



Penang International Halal Chefs Challenge 2015 - PIHCC  
Tempat : Setia Spice, Pulau Pinang.  
Pensyarah terlibat : 8 orang  
memenangi 3 pingat perak, 4 pingat gangsa dan 7 diploma.



Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Kementerian Pendidikan Tinggi 2015  
(Tempat ketiga)  
Tempat : Hotel Sunway & Spa Resort, Subang Jaya  
Tarikh : 4-5 September 2015  
Nama Produk : Aiskrim Pegaga Honeydew

**PENCAPAIAN 2015 (INOVASI)**

Tajuk Aktiviti / Program : *Innovation Competition and Exhibition 2015 (ICompEx 2015)*

Tempat: Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah  
5 perak, 1 gangsa



Penang International Halal Chefs Challenge 2015 - PIHCC

Tempat : Setia Spice, Pulau Pinang.

Pensyarah terlibat : 8 orang

memenangi 3 pingat perak, 4 pingat gangsa dan 7 diploma.

**PENCAPAIAN 2015 (PENSYARAH)**

Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) THE WESTIN LANGKAWI RESORT & SPA

28 September 2015 - 8 November 2015



**SME@CC Award (Finalist)**

TARIKH: 5 Disember 2015 @ Dewan D'Malaysian AGRO Exposition Park, Serdang.

**PENCAPAIAN 2015 (PENYELIDIKAN)**




Sekitar Kunjungan  
Delegasi Ministry Of Labour And Vocational Training Kampuchea  
di Kolej Komuniti Sungai Petani pada 6 Julai 2015.



Tajuk Aktiviti / Program : *4th International Conference on Education and Management Innovation 2015 (ICEMI 2015)*  
Tempat : Brunei Darussalam



Tajuk Aktiviti / Program : *International Seminar on Special Education For Southeast Asia Region 5th Series 2015 UKM-UPI-UNESA-SEAMEO SEN*  
Tempat : Universitas Surabaya, Indonesia



**PENCAPAIAN 2015 (KEWANGAN)**

**PENCAPAIAN 2015 (SUKAN)**

Sesi Pemilihan Atlet Untuk Sukan Petanque Bagi Mewakili Kolej Komuniti Zon Kedah / Perlis Ke Kejohanan Sukan Kolej Komuniti (Maskom) 2015 : 10-11 April 2015  
 Muhammad Nur Aliff Haiqal Bin Rosnan Dan Nur Jannah Binti Azizan  
 Emas Dalam Mix Double Petanque  
 Nur Rabi'atuladawiyah Binti Zabidi Dan Norfathanah Binti Mohd Hafiz  
 Emas Dalam Beregu Wanita Petanque



Kejohanan 10 Pin Bowling IPT 2015  
 07-10 Disember 2015  
**Mohd Haikal Bin Md. Salleh**  
 Acara perseorangan - **Emas**  
 Acara All Events – **Emas**



Kejohanan Sukan Kolej Komuniti (Maskom) 2015 (Peringkat Kebangsaan)  
 08 – 12 Mei 2015 Tempat : Politeknik Tunku Syed Sirujuddin, Unimap & Perlis Bowl Negeri Perlis  
 Muhd Ikhwan Naqib Bin Shahabudin Dan Amzarul Hafiz Bin Hamda  
 Emas Dalam Tenpin Bowling Berpasukan Lelaki  
 Amni Othman Binti Abdullah Dan Nur Shafirah Binti Azhar  
 Emas Dalam Beregu Wanita Badminton Khas



One Silat Championship  
 25 Disember 2015  
 Tempat : Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur  
 Emas dalam kategori Flyweight



**JABATAN : KEJURUTERAAN DAN KEMAHIRAN  
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : HAZILA BINTI SHAHARUDDIN  
Jawatan : KJKK

## **PENGENALAN**

Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran merupakan jabatan yang bertanggungjawab merancang dan mengurus pelaksanaan serta pengoperasian program pengajian. Perancangan dan pengurusan program pengajian ini diperkukuhkan lagi dengan adanya jaminan kualiti dengan kerangka MQF, di samping akses yang menyeluruh kepada semua komuniti dengan pelbagai tahap akademik untuk mengikuti program di Kolej Komuniti.

Pembelajaran yang ditawarkan oleh kolej melalui pelaksanaan Sijil Kolej Komuniti Bermodular (SKKM). Ia adalah program sepenuh masa yang melibatkan pengajian 20 bulan. Pada masa ini Kolej Komuniti Sungai Petani menawarkan enam Program Pengajian SKKM iaitu Sijil Kulinari, Sijil Operasi Perhotelan, Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Terapi Kecantikan dan Spa, Sijil Asas Pastrri (Khas) dan Diploma Kecantikan dan Spa.

## **OBJEKTIF UNIT**

1. Merancang dan melaksanakan Takwim Akademik Kolej Komuniti.
2. Merancang, melaksana dan memantau aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta hasil pembelajaran pelajar.
3. Merancang, melaksana dan mengawalselia pengurusan perolehan peralatan dan bahan untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran.
4. Merancang, melaksana dan mengawalselia penyelenggaraan peralatan untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran.
5. Merancang, mengurus, melaksana sistem pengurusan kualiti dalam pelaksanaan program.
6. Merancang keperluan latihan untuk peningkatan kemahiran pensyarah akademik.
7. Merancang, mengurus, melaksana dan memantau aktiviti pencerapan pensyarah.
8. Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti *coaching* dan *mentoring* bagi pensyarah.

**UNIT KULINARI**  
**KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**  
 Oleh : Muhamad Nazihan Bin Jamaludin  
 Jawatan : Ketua Unit Kulinari

**PENGENALAN**

Unit Kulinari merupakan unit yang bergerak aktif sepanjang tahun 2015. Penglibatan unit kulinari didalam program yang disertai oleh Kolej Komuniti Sungai Petani adalah sangat menggalakkan. Dengan penglibatan seramai seramai 18 orang pensyarah dan seramai 275 pelajar unit kulinari dapat menjalankan perbagai aktiviti yang mengharumkan nama Kolej Komuniti Sungai Petani. Antara aktiviti yang disertai ialah pertandingan kemahiran, penyediaan jamuan makan, pertandingan inovasi, pembentangan kertas kerja dan lain-lain lagi. Menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, unit kulinari telah berusaha untuk menggerakkan semua pensyarah dan pelajar untuk sentiasa meningkatkan produktiviti disetiap lapangan yang bersesuaian dengan kehendak pihak pengurusan Kolej Komuniti Sungai Petani.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Memastikan setiap pensyarah diunit kulinari mencapai KPI yang ditetapkan oleh pengurusan Kolej Komuniti Sungai Petani.
2. Memastikan setiap pensyarah diunit kulinari dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik didalam PdP pelajar
3. Memastikan setiap pelajar diunit kulinari diberi peluang untuk mengembangkan potensi diri disetiap lapangan yang diceburi.

**AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015**  
**(Dalam dan Luaran)**

Bil.	Maklumat Aktiviti	Tarikh	Impak terhadap program
1.	Tajuk : PIHCC (Penang International Halal Chefs Challenge 2015) Tempat : Setia Spice, Pulau Pinang. Pensyarah terlibat : 8 orang	30 Jan 2015 - 1 Feb 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 hari Pertandingan</li> <li>• Memantapkan lagi kemahiran (skill) masakkan.</li> <li>• 1 perak, 2 gangsa, 2 diploma</li> </ul>
2.	Tajuk : Pembentangan kertas kerja Tempat : Universiti Surabaya, Surabaya, Indonesia Pensyarah terlibat : 3 Orang	26 Jan 2015 - 31 Jan 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 Hari pembentangan peringkat antarabangsa</li> <li>• Pendedahan kepada pensyarah yang terlibat dengan PdP bagi kelas pelajar khas.</li> </ul>
3.	Tajuk : Pembentangan kertas kerja (International Conference On Education And Management Innovation. ICEMI 2015) Tempat : Orchid Garden Hotel, Bandar seri Begawan, Brunei Darulsalam.	4 Feb 2015 - 5 Feb 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 hari pembentangan peringkat antarabangsa.</li> <li>• Pendedahan kepada pensyarah yang terlibat didalam PdP kulinari.</li> </ul>

	Pensyarah terlibat : 3 Orang		
4.	Tajuk : Pertandingan Inovasi (i-compax 2015) Tempat : Politeknik Sultan Abd Halim, Jitra. Pensyarah terlibat: 2 orang	24 Mac 2015 - 26 Mac 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 hari pertandingan berkaitan inovasi.</li> <li>• Pendedahan kepada hasil terkini didalam penghasilan produk dan perkhidmatan.</li> </ul>
5.	Tajuk : Hotel Catering Challenge 2015 (HCC 2015) Tempat : Kolej Komuniti Sungai Petani Pensyarah terlibat: Semua pensyarah unit kulineri	21 Apr 2015 - 22 Apr 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 hari pertandingan kemahiran</li> <li>• Melibatkan penyertaan dari pelajar kulineri</li> <li>• Pemilihan pelajar untuk mewakili kolej ke pertandingan seterusnya.</li> </ul>
6.	Tajuk : Karnival keselamatan makanan peringkat negeri Kedah. Tempat : Pasaraya C'mart Sungai Petani, Kedah. Pensyarah terlibat: 2 orang pensyarah	30 Mei 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penglibatan 2 orang pensyarah kulineri</li> <li>• Pendedahan kepada peningkatan sendiri pensyarah untuk berdepan dengan orang ramai.</li> <li>• Menjalinkan kerjasama dengan pihak pengurusan pasaraya C'mart.</li> </ul>
7.	Tajuk : Asian Culinary Challenge 2015 Tempat : Institut Kemahiran Iktisas Pahang (IKIP) Pensyarah terlibat : 4 orang pensyarah	8 Jun 2015 - 10 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 hari pertandingan kemahiran bidang masakan</li> <li>• Penglibatan peserta dari luar negara (Thailand, Taiwan dan India)</li> <li>• Pendedahan kepada pelajar untuk pertandingan kemahiran peringkat tinggi.</li> <li>• 2 perak,</li> </ul>
8.	Tajuk : Majlis Anugerah Pelajar Pendidikan Khas (Asas Pastri) Tempat : Dewan banquet Hotel Emerald Puteri, Sungai Petani. Pensyarah terlibat: 8 orang	11 Ogos 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghargaan kepada pelajar khas asas pastri.</li> <li>• Meraikan ibubapa dan waris pelajar khas</li> <li>• Menjalinkan hubungan yang baik dengan ibubapa dan waris pelajar.</li> </ul>
9.	Tajuk : Pertandingan Inovasi peringkat Kebangsaan (PERISA 2015) Tempat : Kolej Komuniti Termeloh, Pahang. Pensyarah terlibat: 6 orang	27 Sep 2015 - 30 Sep 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 hari pertandingan inovasi peringkat kebangsaan</li> <li>• Melibat semua Kolej Komuniti di Malaysia.</li> <li>• 2 pingat Gangsa.</li> </ul>
10.	Tajuk : Pertandingan Kemahiran Masakkan Kolej Komuniti (MYCCSKILL 2015) Tempat : Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar, Perak. Pensyarah terlibat: 5 orang	9 Okt 2015 - 11 Okt 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 hari pertandingan kemahiran masakkan peringkat kebangsaan</li> <li>• Melibatkan semua Kolej Komuniti yang menawarkan kursus berkenaan hospitaliti.</li> <li>• 1 emas, 1 perak, 1 gangsa.</li> </ul>
11.	Tajuk : Pertandingan Inovasi Wilayah Perak (SPIN 2015) Tempat : Kolej Komuniti Sungai Siput Pensyarah terlibat: 3 orang	11 Nov 2015 - 12 Nov 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 hari pertandingan melibatkan kemahiran inovasi pensyarah.</li> <li>• Pendedahan kepada maklumat terkini penghasilan produk dan perkhidmatan.</li> <li>• 1 perak.</li> </ul>

KOLEKSI-KOLEKSI GAMBAR AKTIVITI



**UNIT TERAPI KECANTIKAN DAN SPA**  
**KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : Syakirah binti Azmi

Jawatan : Ketua Program Terapi Kecantikan dan SPA

**PENGENALAN**

Unit Terapi Kecantikan dan SPA ialah unit yang dipertanggungjawab untuk mengajar Modul Kecantikan dan SPA di KKSP. Modul Kecantikan ini di kategorikan sebagai modul teori dan praktikal yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Terapi Kecantikan dan SPA. Antara modul yang ditawarkan adalah *Rawatan Kulit Muka, Spa Tangan dan Kaki, Persolekan Profesional dan Rawatan Badan*. Unit Terapi Kecantikan dan SPA juga berperanan menjalankan aktiviti serta program-program berbentuk ilmiah dan turut serta dalam program-program lain yang diadakan di KKSP.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang Terapi Kecantikan dan SPA bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri.
2. Melahirkan pelajar yang kompeten dalam melaksanakan segala arahan dan tunjuk ajar yang diberikan .
3. Melahirkan usahawan secara mobile dan sepenuh masa dengan menggunakan kemahiran yang telah dipelajari dalam bidang Terapi Kecantikan dan SPA.
4. Mendedahkan pelajar pada pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi.
5. Mewujudkan budaya mencintai kemahiran dikalangan pelajar.

## AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015

Bil.	Maklumat Aktiviti	Tarikh	Impak terhadap program
1	Tajuk : Program TV (Wanita Hari Ini) Tempat : Saloma Bistro Kuala Lumpur Kelas terlibat : TKS 3 Bilangan pelajar : 5 orang Bilangan pensyarah : 2 orang	26/1/2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar dapat mempelajari situasi realiti alam pekerjaan.</li> <li>b) Memupuk semangat kerjasama dikalangan pelajar.</li> <li>c) Hasil karya yang telah ditonjolkan menjadi promosi bagi pelajar kolej.</li> </ul>
2	Tajuk : Karnival Pendidikan Tinggi Negara Kolej Komuniti Zon Utara Tempat : USM Pulau Pinang Kelas terlibat : TKS 2 & 3 Bilangan pelajar : 8 orang Bilangan pensyarah : 2 orang	1/3/2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar mendapat pengalaman baru.</li> <li>b) Pelajar didedahkan dengan suasana luar.</li> </ul>
3	Tajuk : Pertandingan Pra Worldskill Tempat : Giatmara Johor Bharu Kelas terlibat : TKS 4 Bilangan pelajar : 10 orang Bilangan pensyarah : 2 orang		<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar melalui cabaran pertandingan yang baru.</li> <li>b) Pelajar dapat bersaing bersama institusi pengajian yang lain.</li> <li>c) Dapat bertukar ilmu dan pengalaman bersama peserta.</li> </ul>
4	Tajuk : Pertandingan i Compax Tempat : POLIMAS Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Kelas terlibat : DTK 2 Bilangan pelajar : 12 orang Bilangan pensyarah : 8 orang	24/3/2015  Hingga  26/3/2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar melalui cabaran pertandingan yang baru.</li> <li>b) Pelajar dapat bersaing bersama institusi pengajian yang lain.</li> <li>c) Dapat bertukar ilmu dan pengalaman bersama peserta.</li> </ul>
5	Tajuk : Program TV Lari Tempat : Mini Malaysia dan A Famosa Melaka Kelas terlibat : TKS 3 Bilangan pelajar : 10 orang Bilangan pensyarah : 2 orang	4/4/2015  Hingga  8/4/2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar dapat mempelajari situasi realiti alam pekerjaan.</li> <li>b) Memupuk semangat kerjasama dikalangan pelajar.</li> <li>c) Hasil karya yang telah ditonjolkan menjadi promosi bagi pelajar kolej.</li> </ul>

6	Tajuk : Program Bahtera Tempat : KLCC Kuala Lumpur Kelas terlibat : TKS 4 Bilangan pelajar : 14 orang Bilangan pensyarah : 2 orang	19/8/2015  Hingga  20/8/2015	a) Pelajar dapat mempelajari situasi realiti alam pekerjaan. b) Memupuk semangat kerjasama dikalangan pelajar. c) Hasil karya yang telah ditonjolkan menjadi promosi bagi pelajar kolej.
7	Tajuk : Pertandingan Myccskills Tempat : Kolej Komuniti Sungai Petani Kelas terlibat : Semua TKS Bilangan pelajar : 60 orang Bilangan pensyarah : 25 orang	17/10/2015  Hingga  18/10/2015	a) Pelajar mendapat pingat emas b) Pelajar mendapat pingat bronze.
8	Tajuk : Pertandingan Kemahiran RTC Gopeng Tempat : RTC Gopeng Kelas terlibat : DTK 3 dan STK 3 Bilangan pelajar : 18 orang Bilangan pensyarah : 5 orang	17/10/2015  Hingga  18/10/2015	c) Pensyarah mendapat pingat emas d) Pensyarah mendapat pingat bronze.
9	Tajuk : Malaysian Book Of Record Tempat : RTC Gopeng Kelas terlibat : DTK 3 dan STK 3 Bilangan pelajar : 18 orang Bilangan pensyarah : 5 orang	17/10/2015  Hingga  18/10/2015	a) Kesemua model siap disolek dalam masa yang singkat. b) Sijil yang diberikan di peringkat kebangsaan.

### KOLEKSI-KOLEKSI GAMBAR AKTIVITI

Tajuk Aktiviti / Program :Pertandingan Kemahiran Kolej Komuniti (Myccskills)

Tempat : Smart Amanjaya





**UNIT OPERASI PERHOTELAN****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : WAN ZUNAIDA BINTI WAN IBRAHIM

Jawatan : KETUA UNIT OP

**PENGENALAN**

Program Operasi Perhotelan adalah program yang mengkhusus pdp dalam bidang pengurusan hotel. Kemahiran yang diberikan kepada pelajar berdasarkan silibus dan kurikulum. Mempunyai 15 orang tenaga pengajar yang mahir dalam bidang masing2. Antara subjek yang diajar adalah *Hospitaliti, Food and Beverage Service, Housekeeping* dan *Front Office*.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan industri.
2. PdP dijalankan berdasarkan silibus dan kurikulum yang telah ditetapkan.
3. Melahirkan pelajar yang kompeten, sopan dan berakhlak mulia.

**AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015**

Bil.	Maklumat Aktiviti	Tarikh	Impak terhadap program
1	Tajuk : PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT "PRAY FOR PANTAI TIMUR" Tempat : SRK SERI KG LAUT TUMPAT, KELANTAN. Kelas terlibat : SOP & SKU Bilangan pelajar : 10 ORG Bilangan pensyarah : 15 orang	6-10 Jan 2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Memberi khidmat masyarakat kepada penduduk sekitar Tumpat, Kelantan yang mengalami banjir besar.</li> <li>b. Mewujudkan budaya tolong menolong.</li> </ol>
2	Tajuk : PERTANDINGAN HALAL CHEF 2015 Tempat : SPICE ARENA, PULAU PINANG Kelas terlibat : SOP Bilangan pelajar : - Bilangan pensyarah : 8 orang	29 Jan – 2 Feb 2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. pensyarah yang terlibat memenangi setiap kategori yang dipertandingkan.</li> <li>b. 3 silver, 2 bronze &amp; 2 Diploma.</li> </ol>
3	Tajuk : HOTEL & CULINARY CHALLENGE 2015 Tempat : KKSP Kelas terlibat : SOP	21-22 April 2015	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pelajar dapat mempraktikkan skill yang diajar didalam kelas.</li> </ol>

	Bilangan pelajar : 20 ORANG Bilangan pensyarah :		b. Pelajar ada sikap berdaya saing yang sihat.
4	Tajuk : KURSUS PENINGKATAN STAFF OP Tempat : SKYTREX LANGKAWI Kelas terlibat : SOP Bilangan pelajar : - Bilangan pensyarah : 15 ORANG	27-30 Mei 2015	a. Merapatkan ukhwah antara staff op. b. Meningkatkan semangat bekerjasama dikalangan staff op.
5	Tajuk : LATIHAN PUSAT WORLDSKILL Tempat : KKSP Kelas terlibat : KKSP, KK@LTA, KKBB Bilangan pelajar : 4 ORANG Bilangan pensyarah : 5 ORANG	1-4 Sept .2015	a. Pelajar mendapat kemahiran yang baik dalam persediaan menghadapi pertandingan. b. Pelajar lebih berkeyakinan dalam pertandingan.
6	Tajuk : PERTANDINGAN AKHIR WORLDSKILL Tempat : INSTITUT KFCH, JOHOR. Kelas terlibat Bilangan pelajar : 1 ORANG Bilangan pensyarah : 2 ORANG	15-20 Sept 2015	a. Pelajar mendapat sijil kecemerlangan dalam pertandingan yang dianjurkan.
7	Tajuk : SERVING DIRAJA PERLIS Tempat : ISTANA NEGERI PERLIS Kelas terlibat : SOP 2 Bilangan pelajar : 20 ORANG Bilangan pensyarah : 2 ORANG	10 Oktober 2015	a. Pelajar mendapat pengalaman baru. b. Pelajar dapat menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan sebenar.
8	Tajuk : MYCCSKILL Tempat : KUALA KANGSAR, PERAK Kelas terlibat :- Bilangan pelajar : 1 ORANG Bilangan pensyarah : 2 ORANG	8-11 Oktober 2015	a. Pelajar mendapat pingat bronze.
9	Tajuk : IFTAR RAMADHAN Tempat : MASJID SUNGAI LAYAR Kelas terlibat :SEMUA PROGRAM Bilangan pelajar : SEMUA PELAJAR Bilangan pensyarah : SEMUA PENSYARAH	10 Julai 2015	a. Pelajar dan pensyarah dapat menghayati keberkatan ramadhan. b. Dapat berkumpul bersama masyarakat setempat.

**UNIT SERVIS KENDERAAN RINGAN****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : MARANI BINTI RAHMAT

Jawatan : KETUA PROGRAM

**PENGENALAN**

Program Servis Kenderaan Ringan adalah salah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja secara teori bahkan juga secara amali dalam bidang Servis Kenderaan Ringan.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Memastikan pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikan bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.
2. Memastikan pelajar dapat berkomunikasi dengan berkesan serta berupaya dan berkebolehan menyelesaikan masa secara kreatif dan inovatif di persekitaran automotif.
3. Mengaplikasikan ciri – ciri keusahawanan dalam bidang automotif dikalangan pelajar – pelajar.
4. Mengamalkan etika dan integriti diri dalam kerjaya yang diceburi
5. Mempamerkan ciri – ciri kemahiran kepimpinan di dalam automotif.

## STATISTIK

## AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015

Bil.	Maklumat Aktiviti	Tarikh	Impak terhadap program
1	BENCHMARKING GO-KART KK BANDAR DARULAMAN	27/1/2015	KE ARAH MENGHASILKAN GO-KART KKSP
2	KURSUS WELDING TIG DI KK BANDAR DARULAMAN	9/3/2015	MENINGKATKAN KEMAHIRAN TAMBAHAN PENSYARAH
3	WORLD SKILL MALAYSIA 2015 DI JOHOR BAHRU	5 APRIL 2015	PELAJAR KITA MENYERTAI PERTANDINGAN
4	LAWATAN ILMIAH KE PERTANDINGAN GO-KART DI LITAR SEPANG	23 & 24 /1/2015	PELAJAR MENDAPAT ILMU DAN MELIHAT SENDIRI KEBOLEHAN PELAJAR – PELAJAR INSTITUSI LAIN YANG DAPAT MENGHASILKAN/MEMPAMERKAN SETERUSNYA MEMPERTANDINGKAN GO-KART CIPTAAN MASING – MASING
5	PROGRAM JOM BALIK KAMPUNG BERSAMA UNIT SERVIS KENDERAAN RINGAN 2015	11/7/2015	PELAJAR – PELAJAR MENJALANKAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN 1) CUCI KERETA 2) PEMERIKSAAN KENDERAAN 3) SERVIS KENDERAAN 4) JUALAN ALAT GANTI  SERTA MEMPELAJARI TEKNIK – TEKNIK YANG BETUL DALAM MENGENDALIKAN SERVIS KERETA PELANGGAN YANG SEBENAR.
6	MAJLIS SAMBUTAN WARNA – WARNI AIDILFITRI KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI 2015	10/8/2015	UNIT AUTOMOTIF TERLIBAT SEPENUHNYA DALAM MENGENDALIKAN MAJLIS INI SECARA BERGOTONG ROYONG DENGAN UNIT-UNIT YANG LAIN

7	GOTONG ROYONG UNIT SERVIS KENDERAAN RINGAN	20/8/2015	MENGEMAS DAN MENGISIHKAN PERALATAN / ALAT GANTI YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI SERTA MENYUSUN ATUR SEMULA SUSUN ATUR PERALATAN DI DALAM BENGKEL DAN BILIK AUTOMOTIF
8	PERTANDINGAN MYCC SKILLS BIDANG AUTOMOBILE TECHNOLOGY DI KK SUNGAI SIPUT	9 – 10 SEPT 2015	PELAJAR KITA 4 ORANG MENYERTAI PERTANDINGAN DAN 2 ORANG BERJAYA MENGHABISKAN TASK YANG DIBERIKAN.
9	LAWATAN PELAJAR KE PERTANDINGAN MYCCSKILLS DI KK SUNGAI SIPUT	9 / 9 /2015	PELAJAR SKR 1 YANG TERLIBAT MEREKA BAGAIMANA PERTANDINGAN KEMAHIRAN DILAKUKAN SETERUSNYA MENARIK MINAT PELAJAR PELAJAR UNTUK MASUK DALAM PERTANDINGAN TERSEBUT.
10	KEJOHANAN BOWLING UNIT SERVIS KENDERAAN RINGAN KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI 2015	13/10/2015	MERAPATKAN UKHWAH DAN MENERATKAN LAGI SILATURRAHIM UNIT SERVIS KENDERAAN RINGAN MELALUI AKTIVITI SUKAN.
11	PERTANDINGAN INOVASI PERTIWI 2015	21 /10/2015	UNIT AUTOMOTIF MEMENANGI BRONZE UNTUK DESIGN CHASIS ANALYSIS FOR FORMULA STUDENT.

**UNIT PENGAJIAN AM****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : Nor Baizura binti Bakar

Jawatan : Ketua Program Pengajian Am

**PENGENALAN**

Unit Pengajian Am ialah unit yang dipertanggungjawab untuk mengajar Modul Pengajian Am yang di KKSP. Modul Pengajian Am di kategorikan sebagai modul bukan teknikal yang wajib dipelajari oleh semua pelajar KKSP. Modul yang ditawarkan termasuklah *Communicative English*, *Workplace English*, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Keusahawanan, Sains, Matematik, Aplikasi Komputer dan Kemahiran Insaniah. Selain itu juga, modul Bahasa Kebangsaan turut diwajibkan kepada pelajar yang tidak kredit Bahasa Melayu sewaktu SPM. Pelajar wajib lulus Modul Bahasa Kebangsaan sebelum bergraduasi. Unit Pengajian Am juga berperanan menjalankan aktiviti serta program-program berbentuk ilmiah dan turut serta dalam program-program lain yang diadakan di KKSP.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Mengembangkan potensi pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani yang berketrampilan dan berakhlak mulia
2. Melahirkan pelajar yang berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bagi memenuhi kriteria dan kebolehpasaran pelajar.
3. Melahirkan pelajar yang berkarisma dan berwawasan tinggi.

## AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015

Bil	Maklumat Aktiviti	Tarikh	Impak terhadap program
1	<b>Tajuk :</b> Sambutan Maulidur Rasul 1436H/2015M	22 Januari 2015	<p>c. Penglibatan daripada para pelajar dan warga kerja kolej ini khususnya di dalam program ceramah sangat menggalakkan.</p> <p>d. Program ini juga turut dihadiri oleh para pelajar yang bukan beragama Islam.</p> <p>e. Banyak ilmu dan peringatan khususnya di dalam pembentukan peribadi dan akhlak seorang individu Islam yang cemerlang telah diperolehi.</p>
	<b>Tempat :</b> Dewan Banquet, KKSP		
	<b>Kelas terlibat :</b> Semua pelajar		
	<b>Bilangan pelajar :</b> 350 orang		
	<b>Bilangan pensyarah :</b> semua pensyarah		
2	<b>Tajuk :</b> Rohingya Humanitarian Project	12 Julai 2015	<p>a. Meningkatkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar</p> <p>b. Menambahnilai skil komunikasi pelajar</p> <p>c. Mendedahkan pelajar kepada program-program kemanusiaan supaya dapat membantu membentuk akhlak dan keperibadian yang tinggi</p>
	<b>Tempat :</b> Baitul Rahmiah Rohingya Learning Centre (BRRLC), SP		
	<b>Kelas terlibat :</b> SOP/SKU/SKR		
	<b>Bilangan pelajar :</b> 15 orang		
	<b>Bilangan pensyarah :</b> 5 orang pensyarah		
3	<b>Tajuk :</b> Program Kemahiran Insaniah 2 ( <i>Teamwork</i> )	21 Sept 2015	<p>a. Meningkatkan semangat kerja berpasukan di kalangan pelajar dan pensyarah</p> <p>b. Menggalakan pelajar untuk merancang aktiviti dan program berkaitan modul yang dipelajari</p>
	<b>Tempat :</b> Bukit Merah Lake Town Resort		
	<b>Kelas terlibat :</b> SKU 3A, SKU 3B, SKU 4A		
	<b>Bilangan pelajar :</b> 54 orang		
	<b>Bilangan pensyarah :</b> 4 orang pensyarah		
4	<b>Tajuk :</b> Perlawanan persahabatan Petanque KKSP	13 Ogos 2015	<p>a. Mendedahkan pelajar tentang cara mengendalikan pertandingan</p> <p>b. Mencungkil bakat-bakat kepimpinan pelajar diploma</p>
	<b>Tempat :</b> Gelanggang Petanque KKSP		
	<b>Bilangan pelajar :</b> 25 orang		
	<b>Bilangan pensyarah :</b> 3 orang pensyarah		

GAMBAR AKTIVITI / KERATAN AKHBAR



Penceramah Jemputan : Ustaz Mohd Husam bin Dato' Badaruddin



Sambutan Maulidur Rasul 1436H/ 2015M  
Dewan Banquet, Kolej Komuniti Sungai Petani  
22 Januari 2015



GAMBAR AKTIVITI / KERATAN AKHBAR



Rohingya Humanitarian Project  
Baitul Rahmah Rohingya Centre (BRRLC)  
12 Julai 2015

**JABATAN : PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : Penyelaras

**PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015 – 2025, PPPM (PT) telah dirangka dan dilancarkan selaras aspirasi Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi terbaik bagi membolehkan negara bersaing dalam ekonomi dunia. Dalam PPPM (PT) antara yang diberi penekanan adalah 'Teras 3 Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat'.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (JPSH) di Kolej Komuniti telah diamanahkan sepenuhnya dalam proses merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada komuniti setempat. Dalam merealisasikan konsep PSH tersebut kursus-kursus pendek ditawarkan mengikut permintaan masyarakat setempat.

Kursus-kursus yang seringkali mendapat sambutan seperti kursus masakan, kursus jahitan serta kursus kecantikan dan spa. Pada kebiasaannya kursus-kursus tersebut dilaksanakan pada hujung minggu atau hari bekerja bergantung kepada peserta. Kursus-kursus yang ditawarkan bukan sahaja mampu menjana pendapatan tetapi juga boleh meningkatkan kemahiran sediaada.

Beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditetapkan oleh pihak Jabatan kepada JPSH setiap kolej. Selain dari itu, Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (JPSH) juga bekerjasama dengan Pegawai Penerangan dalam menjayakan aktiviti promosi samada melalui media cetak, media baharu, kaedah bersemuka atau lain-lain kaedah yang bersesuaian.

Hasil gandingan dan kerjasama semua pihak, Kolej Komuniti Sungai Petani telah berjaya mencapai KPI peserta iaitu 4555 orang peserta bagi tahun 2015.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Menganjur dan menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (*K-Communities*).
2. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*Up-skilling*), dan melatih semula (*Re-skilling*) untuk keperluan tenaga kerja setempat.
3. Menyediakan rangkaian strategik (*strategic networking*) untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (*stakeholder*).
4. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.

**UNIT KURSUS PENDEK****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : Siti Salmah Binti Mohd Pilus

Jawatan : Penyelaras Unit Kursus Pendek

**PENGENALAN**

Unit Kursus Pendek merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Ia diamanahkan bagi membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat setempat melalui pebagai kursus - kursus kemahiran.

Unit ini menyediakan peluang kepada semua lapisan masyarakat setempat untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta taraf sosio ekonomi melalui program-program sepanjang hayat yang fleksibel dan mudah alih.

Kursus-kursus pendek yang ditawarkan merupakan elemen yang sangat penting dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kolej Komuniti Sungai Petani selaras dengan misi dan visi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.

**FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA**

Pelaksanaan kursus-kursus di bawah pengendalian Unit Kursus Pendek adalah bertujuan:

1. Menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan;
2. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*up-skilling*) dan melatih semula (*re-skilling*) untuk keperluan tenaga kerja setempat;
3. Menyediakan rangkaian strategik untuk pengukuhan aktiviti-sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (*stakeholder*);
4. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Menjalankan kursus bagi masyarakat luar / institusi sepanjang tahun
2. Mencapai sasaran sebanyak 3000 orang peserta
3. Melaksanakan kolaborasi pintar bersama agensi luar

**SYARAT KEMASUKAN**

Terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang boleh membaca, menulis dan mengira.

- Pelajar sekolah rendah / menengah / IPT
- Lulusan sekolah
- Pekerja Industri
- Kumpulan Profesional, Eksekutif & Pengurus
- Institusi Pendidikan
- Jabatan & Agensi Kerajaan
- Warga emas
- Suri rumah
- OKU (Orang Kelainan Upaya)
- Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain

**TEMPOH KURSUS**


- Bergantung kepada jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak Kolej Komuniti Sungai Petani

**PROSPEK LATIHAN**


- Peserta kursus diharapkan akan dapat menguasai kemahiran dalam kursus kursus yang disertai agar boleh membantu meningkatkan sosio ekonomi dan mutu kerja dalam kehidupan masing-masing.
- Latihan akan dapat menyediakan pengetahuan asas dalam memilih kerjaya yang sesuai samada bekerja sendiri atau bekerja dengan majikan.

**STATISTIK**


1. Statistik Pendaftaran Peserta Kursus Pendek KKSP Mengikut Bulan Bagi Tahun 2015




2. Analisa Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat KKSP Tahun 2015 (Pecahan Mengikut Bulan)



3. Analisa Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat KKSP Tahun 2015  
(Pecahan Mengikut Jantina)



4. Analisa Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat KKSP Tahun 2015  
(Pecahan Mengikut Bangsa)



## 5. Laporan Pencapaian Prestasi KPI PSH Mengikut Bilangan Peserta

Bil	Kolej	Gred	KPI	Pencapaian	Gap	Catatan
1	KOLEJ KOMUNITI SELAYANG	54	3000	8130	-5130	CAPAI
2	KOLEJ KOMUNITI BANDAR DARULAMAN	54	3000	7250	-4250	CAPAI
3	KOLEJ KOMUNITI SELANDAR	52	3000	9005	-6005	CAPAI
4	KOLEJ KOMUNITI HULU LANGAT	52	3000	7724	-4724	CAPAI
5	KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM	52	3000	7672	-4672	CAPAI
6	KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT	52	3000	7104	-4104	CAPAI
7	KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS	52	3000	7017	-4017	CAPAI
8	KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK	52	3000	6450	-3450	CAPAI
9	KOLEJ KOMUNITI ARAU	52	3000	6121	-3121	CAPAI
10	KOLEJ KOMUNITI KUANTAN	52	3000	5771	-2771	CAPAI
11	KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG	52	3000	5749	-2749	CAPAI
12	KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI	52	3000	5512	-2512	CAPAI
13	KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU	52	3000	4987	-1987	CAPAI
14	KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2	52	3000	4718	-1718	CAPAI
15	KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT	52	3000	4717	-1717	CAPAI

## 6. Laporan Pencapaian Prestasi CCRC

Bil.	Jenis Golongan Peserta	Jumlah
1.	OKU	123 orang
2.	Tahfiz / PISH / Ulul Albab	150 orang
3.	Ibu Tunggal	48 orang
4.	Miskin Tegar	537 orang
5.	Belia Yang Tiada Pendapatan Tetap	2315 orang
6.	Warga Emas/Pesara	115 orang
7.	Orang Asli	10 orang

GAMBAR AKTIVITI / KERATAN AKHBAR





**UNIT HRDF****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : MOHD NUR HAZLY BIN MD HARON

Jawatan :PENYELARAS

**PENGENALAN**

Laporan bagi Unit HRDF ini disediakan bagi makluman kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Sungai Petani mengenai aktiviti serta program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Menawarkan latihan (up-skilling atau re-skilling) kepada satu kumpulan sasaran mengikut bidang kepakaran.
2. Menyediakan kemudahan dan fasiliti bagi latihan kepada kumpulan sasaran.
3. Menawarkan khidmat nasihat dan rundingan terhadap bidang kepakaran pada bila-bila masa kepada industri dan komuniti setempat.
4. Sebagai sumber rujukan dalam bidang kepakaran bagi menjalankan kajian atau pemerhatian.
5. Sebagai platform, arkib pengumpulan dokumentasi bagi kriteria kenaikan pangkat pensyarah.
6. Menyediakan Fail Meja mengikut bidang kepakaran (Terapi Kecantikan, Kenderaan Ringan, Kulinari dan Operasi Perhotelan) bagi rujukan industri, komuniti setempat dan pensyarah yang ingin mendapatkan maklumat mengenai Manual Kerja dalam bidang kesepakaran.

**UNIT KEUSAHAWANAN****KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

Oleh : Dayang Suhaila Ab Rahim  
 Jawatan : Pegawai Keusahawanan

**PENGENALAN**

Unit Keusahawanan KKSP mensasarkan setiap pelajar KKSP mempunyai pengetahuan asas dalam bidang keusahawanan. Semua tenaga pengajar dan warga kerja KKSP juga sekurang-kurangnya diberi pendedahan dalam bidang keusahawanan. Peluang dan ruang dicipta bagi membolehkan setiap warga mempunyai kesempatan untuk mengalami pengalaman sebagai usahawan melalui penglibatan dalam karnival, pertandingan dan program atau kursus dalaman juga luaran. Atas inisiatif Tuan Pengarah, kiosk makanan minuman, alatulis, spa dan Smart Café (e-tech centre) telah diwujudkan sebagai medan bagi menggalakkan pelajar dan bekas pelajar menjadi incubator KKSP.

**OBJEKTIF UNIT**

1. Membudayakan keusahawanan di kalangan warga Kolej Komuniti Sungai Petani.
2. Memberi pendedahan latihan keusahawanan.
3. Melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan.
4. Memperkayakan nilai tambahan kepada para pelajar dan pensyarah.

KPI berdasarkan CCRC

BIL	TOPLINE KPI	SASARAN
1	Bilangan lulus kolej komuniti yang memulakan perniagaan sendiri	4
2	Menguruskan satu syarikat permulaan perniagaan yang berasaskan niche area	3
3	Melaksanakan program terancang bersama organisasi/pertubuhan/agensi bagi meningkatkan peluang pekerjaan/kemahiran/daya saing komuniti terpilih	3
4	Melakukan program pemindahan ilmu/kemahiran/pengkomersilan kepada komuniti terpilih	6
5	Bilangan peserta program pembudayaan ilmu keusahawanan kepada pelajar dan komuniti setempat	90

## AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015

Bil.	Maklumat Aktiviti	Tarikh	Impak terhadap program
